

SOALAN NO. : 55

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 10 OGOS 2017 (KHAMIS)

SOALAN:

Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk membangunkan sistem E-Tanah di setiap negeri dan bagaimanakah sistem ini dapat memanfaatkan pentadbiran hal ehwal tanah di negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Strategi Kerajaan Membangunkan Sistem e-Tanah.

Pembangunan Sistem e-Tanah merupakan satu cabaran kepada kerajaan persekutuan. Ia disebabkan kos bagi melaksanakan sistem ini sangat besar dan tambahan pula pentadbiran tanah adalah kuasa kerajaan negeri sepenuhnya. Oleh itu beberapa strategi dilaksanakan sebelum sistem berkenaan dapat dibangunkan untuk sesebuah negeri.

- a. Mengadakan konsultasi dan mendapatkan pandangan negeri berkenaan sebelum memulakan apa-apa tindakan.
- b. Mendapatkan persetujuan negeri melalui Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia dan Majlis Tanah Negara.
- c. Melaksanakan projek ini dengan kerjasama awam swasta secara *Private Finance Initiative*. Konsep PFI telah dilaksanakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Bagaimana Sistem ini Dapat Memanfaatkan Pentadbiran Hal Ehwat Tanah di Negara Kita.

Sistem e-Tanah telah mengkomputerkan keseluruhan urusan tanah yang terdapat di dalam Kanun Tanah Negara termasuklah pendaftaran, pengambilan, strata, hasil, lelong, pembangunan, penguatkuasaan, *consent*, dan pelupusan. Antara faedah Sistem e-Tanah ialah:

- a. Sistem e-Tanah merupakan sistem bersepadu yang menggantikan sistem-sistem sedia ada yang *stand alone* serta tidak berintegrasi antara satu sama lain.

- b. Sistem e-Tanah diyakini dapat membendung kes-kes pemalsuan dan penipuan urusan tanah dan meningkatkan ketelusan pentadbiran tanah.
- c. Kaunter *Single Point of Contact* (SPOC) membolehkan semua urusan berkaitan tanah dapat dilakukan pada satu (1) kaunter sahaja;
- d. Sistem e-Tanah berintegrasi dengan sistem Jabatan lain yang berkaitan dengan urusan Tanah.
- e. Projek Sistem e-Tanah telah merekayasa (*re-engineering*) proses dan aliran kerja pentadbiran tanah bagi meningkatkan keefisienan pentadbiran tanah.
- f. Sistem e-Tanah banyak mengautomatiskan proses kerja dan seterusnya dapat memendekkan tempoh masa proses permohonan dan pendaftaran hakmilik;
- g. Menyediakan perkhidmatan dalam talian bagi carian persendirian, semakan status urusan tanah dan pembayaran hasil.

Faedah Pelaksanaan Sistem e-Tanah Kepada Orang Ramai, Pelabur dan Kerajaan.

Faedah yang diperolehi oleh Orang Ramai, Pelabur dan Kerajaan berikutan pelaksanaan Sistem e-Tanah adalah seperti berikut:

Orang Ramai

- a. Kaunter Single Point Of Contact (SPOC) diperkenalkan yang membolehkan semua urusan tanah dilaksanakan pada satu kaunter sahaja berbanding selama ini yang memerlukan rakyat pergi ke pelbagai kaunter yang berlainan.
- b. Menawarkan perkhidmatan atas talian kepada rakyat bagi urusan:
 - i. Carian persendirian

- ii. Semakan status permohonan/urusan
 - iii. Serahan borang permohonan
 - iv. Pembayaran cukai tanah.
- c. Pembelian pelan lebih mudah dan cepat dengan penggunaan teknologi Geographic Information System

Pelabur

- a. Memudahkan pihak pelabur melaksanakan urusan tanah dan seterusnya mempercepatkan proses pembangunan hartanah.
- b. Merangsang transaksi dan nilai hartanah.

Kerajaan

- a. Menambah baik proses pendaftaran hakmilik pemilikan hartanah.
- b. Meningkatkan penyampaian perkhidmatan dalam pentadbiran tanah.
- c. Menambahbaik budaya kerja pentadbiran tanah.
- d. Mengurangkan birokrasi dalam pentadbiran tanah.
- e. Menambah hasil kerajaan.
- f. Meningkatkan kedudukan Malaysia dalam kedudukan kajian *World Bank : Ease Of Doing Business*.

Impak Sistem e-Tanah di PPTG WPKL

Penggunaan Sistem e-Tanah di PPTG WPKL telah memberi impak berikut:

- a. Kakitangan PPTG WPKL terlebih dahulu perlu melaksanakan aktiviti tukar ganti hakmilik ke Jadual Keenam Belas Kanun Tanah Negara (KTN) perlu dibuat sebelum sesuatu urusan dilaksanakan selaras dengan Seksyen 7 Jadual Keenam KTN. Ia menyebabkan sedikit kekecohan dan kelawatan dalam menyelesaikan urusan.

Isu ini adalah bersifat sementara sahaja, ia dijangka akan selesai apabila kesemua hakmilik telah ditukarganti.

- b. Pengenalan kaunter SPOC membolehkan semua urusan dibuat pada suatu kaunter. Ini memerlukan semua kakitangan kaunter mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk semua urusan tanah.
- c. Semakan status permohonan dan carian secara atas talian telah mengurangkan bilangan pelanggan hadir ke PPTG WPKL. Ini membolehkan kakitangan PPTG WPKL lebih fokus kepada menyelesaikan tugas/urusan.

Jumlah Kutipan Cukai Menggunakan Sistem e-Tanah

Maklumat berkaitan jumlah cukai yang telah menggunakan Sistem e-Tanah adalah seperti gambarajah berikut:

Negeri	Sejak LIVE e-Tanah sehingga 30 Jun 2017 (RM)	Jumlah Kutipan Hasil Bagi Tahun 2016 (RM)	Jumlah Kutipan Hasil Bagi Tahun 2017 sehingga 30/06/2017 (RM)
Pulau Pinang (Live Disember 2007)	3,968,724,203.53	644,617,995.97	207,987,307.76
Melaka (Live Disember 2014)	250,205,701.01	87,533,837.53	83,245,456.74

Isu Sistem e-Tanah di Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan

Secara umumnya tiada isu besar pelaksanaan Sistem e-Tanah di Pulau Pinang dan Melaka. Pada permulaan LIVE Sistem e-Tanah, yang timbul

adalah keperluan tukar ganti hakmilik ke Jadual Keenam Belas Kanun Tanah Negara (KTN) perlu dibuat sebelum sesuatu urusan dilaksanakan selaras dengan Seksyen 7 Jadual Keenam KTN. Isu ini telah menyebabkan permohonan urusan tanah mengambil masa yang lebih lama berbanding biasa bagi memberi laluan kepada aktiviti tukar ganti terlebih dahulu.

Isu bagi Negeri Sembilan pula ialah Kerajaan Negeri Sembilan masih belum memutuskan tarikh pewartaan/penggunaan Sistem e-Tanah walaupun sistem berkenaan telah sedia untuk digunakan pada Disember 2014.

Walau bagaimanapun kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri perlu memikirkan bagaimana memastikan kelestarian Sistem e-Tanah dari sudut peruntukan kewangan bagi menyelenggaran sistem dan jumlah kakitangan teknikal yang mencukupi untuk mentadbir sistem supaya Sistem e-Tanah dapat beroperasi dengan baik.

Jangkaan Pelaksanaan Sistem e-Tanah Selepas PPTG WPKL

Setelah kerajaan berpuas hati dengan Sistem e-Tanah PPTG WPKL sistem ini akan diperluaskan ke negeri Selangor, Putrajaya dan Labuan dijangka bermula pada Januari 2018. Seterusnya Sistem ini akan diperluaskan ke Pahang, Terengganu, Kedah, Perlis dan Kelantan. Sekiranya tiada apa-apa masalah, bermula pada tahun 2022 semua negeri tersebut telah menggunakan Sistem e-Tanah.

Sekian, terima kasih.